

0547

R B450 B A H
MAHATHIR - EKONOMI
(I)

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA KONFRANTASI ANTARA SEKTOR SWASTA DAN SEKTOR AWAM SEHARUSNYA DIKURANGKAN BAGI MEMBANTU PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

KERAJAAN MAHU MELIHAT SEKTOR SWASTA MAJU SUPAYA DAPAT BERKONGSI KEUNTUNGAN DENGAN SEKTOR AWAM, KATANYA.

BELIAU GEMBIRA DENGAN IDEA KERJASAMA ANTARA SEKTOR SWASTA DAN AWAM KERANA IA SATU PETANDA BAIK BAGI PEMBANGUNAN EKONOMI DAN MEHBANTU MENYUMBANG KE ARAH ITU.

BELIAU BERKATA 'DEMIKIAN KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN JAWATANKUASA PENGANJUR SUKAN PERSYARIKATAN MALAYSIA, YANG MERUPAKAN ACARA TAHUNAN ANTARA PEGAWAI-PEGAWAI KANAN SEKTOR SWASTA DAN AWAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA TIDAK DISAMBUUT BAIK KETIKA MULA DIPERKENALKAN, IA TELAH MEMBERI KESAN YANG BAIK. -- LAGI

2344MST 15 07 89

0548

R B451 B A H
MAHATHIR - EKONOMI 2 KUALA LUMPUR.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA KERJASAMA YANG SERUPA PERLU WUJUD ANTARA PEKERJA DAN MAJIKAN DALAM SEKTOR AWAM DAN SWASTA KERANA KONFRANTANSI ANTARA MEREKA ADALAH TIDAK BAIK UNTUK PERTUMBUHAN EKONOMI.

KATANYA KERJASAMA INI PATUT MENJADI LANGKAH YANG MENYUSULI KERJASAMA KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA SUPAYA NEGARA MEMPUNYAI SATU PERSYARIKATAN MALAYSIA YANG BESAR, YANG BOLEH MEMANFAATKAN SEMUA.

+KERJASAMA SEPerti INI, SAYA YAKIN, TIDAK DAPAT DISAINGI DI DUNIA INI,+ KATA BELIAU.

SEMENTARA ITU, KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAN SRI SALLEHUDDIN MOHAMED, DALAM UCAPANNYA SEBELUM ITU, BERKATA AMALAN SEKTOR SWASTA MEMBERIKAN HADIAH ATAU GANJARAN KEPADA PEGAWAI KERAJAAN PERLU DIHAPUSKAN.

KATANYA AMALAN ITU SUDAH MENJADI KEBIASAAN DI KALANGAN SEKTOR SWASTA TETAPI IA BOLEH MENIMBULKAN SYAK WASANCKA APABILA DILAKUKAN KE ATAS KAKITANGAN KERAJAAN.

MENURUT BELIAU TERDAPAT JALAN LAIN BAGI MERAPATKAN HUBUNGAN ANTARA SEKTOR SWASTA DAN AWAM. -- BERNAMA

2348MST 15 07 89

0550